

Maal Hijrah: PM ajak umat Islam kukuh perpaduan

# Ketepi fahaman politik

BH 26 MAR 2001

“Walaupun, negara kita mempunyai pelbagai parti politik yang anggotanya beragama Islam, dalam pengalaman Islam tidak harus ada perpecahan”

– Dr Mahathir Mohamad

Oleh Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Ahad – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata umat Islam perlu menyetepikan fahaman politik dan merapatkan barisan bagi mempertahankan kepentingan agama jika ada cabaran terhadap orang Islam.

Perdana Menteri berkata, perpaduan di kalangan rakyat sudah tergugat dan terancam berikutan pelbagai desakan dan tuntutan melampau oleh pihak tertentu, terutama sejak selepas pilihan raya 1999 yang menjurus ke arah perpecahan.

Malah, katanya, perpaduan di kalangan umat Islam di negara ini turut terjejas kerana penyalahgunaan agama.

## Teks ucapan penuh di muka 23

Justeru, beliau berkata umat Islam perlu menyetepikan perbezaan fahaman politik dan harus bersatu di bawah Islam demi kekuatan agama dan kemajuan negara sambil turut menasihati umat Islam supaya tidak sengaja bermusuhan dengan orang bukan Islam yang tidak bermusuhan dengan mereka.

“Perbezaan ideologi politik tidak semestinya menyebabkan perpecahan umat Islam. Walaupun, negara kita mempunyai pelbagai parti politik yang anggotanya beragama Islam, dalam pengalaman Islam tidak harus ada perpecahan,” katanya dalam perutusan sempena sambutan Ma'al Hijrah 1422, esok.

Tema sambutan Ma'al Hijrah tahun ini ialah “Perpaduan Pemangkin Pembangunan Ummah”.

Mengenai hubungan dengan bukan Islam, Dr Mahathir berkata umat Islam tidak harus bertindak ganas, sebaliknya melaporkan kepada polis, jika ada orang Islam diserang kerana perkelahian dengan orang bukan Islam.

Katanya, jika orang Islam mengambil tindakan sewenang-wenangnya, perkara yang kecil akan menjadi masalah besar dan sukar dikawal.

“Ramai yang tidak berdosa akan diserang atau dibunuh. Akhirnya, tidak ada sesuatu apa yang akan diperolehi oleh mana-mana pihak. Orang Islam tidak harus sengaja bermusuhan dengan orang bukan Islam yang tidak bermusuhan dengan mereka.

“Sebaran berita yang tidak berasas dengan tujuan menimbulkan kemarahan oleh umat Islam kononnya ramai orang Islam telah

LIHAT MUKA 5

# Ada pihak tertentu mahu lihat rusuhan di Malaysia

## DARI MUKA 1

dibinasa dan dibunuh, bukanlah cara melindungi orang Islam," katanya.

Dr Mahathir berkata, baru-baru ini berita angin disebar dengan luasnya selepas perkelahian kecil berlaku, kononnya ramai orang Islam dibunuh dan berita ini tidak benar sama sekali.

Katanya, ada tanda-tanda penyebaran khabar angin dan serangan ini disengajakan oleh pihak tertentu yang ingin melihat rusuhan dan keganasan berlaku di negara kita.

Beliau berkata, semua itu memburukkan agama Islam kerana orang Islam sepatutnya tidak bertindak di luar undang-undang.

Ini, katanya, bukan saja tidak menyumbang kepada kebaikan dan pembangunan agama dan negara Islam, malah satu tindakan kembali kepada cara-cara jahiliah.

Ia sebenarnya satu pengembalian kepada cara-cara jahiliah yang mana sesuatu kumpulan bertindak kerana fanatik kepada kaum dengan tidak mengambilkira baik buruk apa yang dilakukan oleh kaum berkenaan," katanya.

"Hari ini orang Islam memang lemah kerana mundur dalam serba serbi. Jika kita faham makna berhijrah, kita patutlah berpindah daripada keadaan ini.

"Tidak ada gunanya kita merayakan sesuatu peristiwa dalam sejarah Islam jika kita tidak mengambil iktibar daripadanya," katanya.

Dr Mahathir berkata, perpecahan di negara ini tidak akan membawa sebarang kebaikan. Contohnya, di sesetengah negara, rakyatnya berbunuhan secara kejam dan ngeri kerana agama atau warna kulit.

"Sebab itu Kerajaan Malaysia sentiasa berusaha memastikan rakyat negara ini, khususnya umat Islam sentiasa dapat hidup ber satu padu, aman dan harmoni.

"Hubungan kaum yang erat akan memberi jaminan kepada kemajuan sosio ekonomi dan keamanan negara. Perpaduan sesama umat Islam pula akan membawa kepada keutuhan ummah dan keteguhan agama Islam," katanya.

Oleh itu, katanya, sempena sambutan Ma'al Hijrah ini, adalah elok bagi umat Islam memperbaharui azam untuk memperbaiki dan mengubah nasib ke arah yang lebih baik, ke arah kemajuan, kejayaan dan yang amat penting perpaduan sesama sendiri.

"Dengan perpaduan yang erat ini dapatlah kita membangun dan memajukan lagi negara kita supaya dapat menggerunkan musuh-musuh kita, insya-Allah," katanya.

Perdana Menteri berkata, ketiadaan perpaduan menyebabkan negara Islam seperti Palestin terus menjadi mangsa penganiayaan oleh musuhnya dan masalah itu tidak dapat diselesaikan sejak Perang Dunia Kedua hingga hari ini.

"Puncanya kerana tiada perpaduan dan kekuatan di kalangan ummah dan negara-negara Islam untuk menolongnya.

"Banyak negara Islam hidup bersendirian dan tidak dapat membantu ummah lain kerana mereka sendiri terpaksa menghadapi pergolakan akibat persengketaan sesama rakyat mereka sendiri," katanya.

Dr Mahathir berkata, Nabi Muhammad sanggup menukar kehidupan baginda secara radikal dengan meninggalkan rumah tangga dan tempat bermastautinnya untuk menjayakan perkembangan Islam melalui penghijrahan.

"Soalnya apakah kita sanggup berhijrah daripada kejahilan kita sekarang yang menyebabkan kita menjadi lemah, kepada ajaran Islam yang sebenar, yang telah memberi kejayaan yang begitu besar kepada Nabi Muhammad?" katanya.